

# **Diploma in Early Childhood Education (BE102)**

**Academic Session July**  
**Volume 3 (Issue 1)**

## **ABOUT KPTM**

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) is a private higher educational institution wholly owned by Majlis Amanah Rakyat (MARA). KPTM offers a wide range of educational opportunities in the field of information technology, computer sciences, accounting, business management, engineering and health sciences.

## **VISION**

To be a Tertiary Education Institution with Excellent Reputation

## **MISSION**

To cultivate academic and entrepreneurial excellence to achieve an optimal individual potential  
To lead a holistic education through global acknowledgement and acceptance

## **SHARED VALUE**

Trustworthy, Resilient, Blessed

## **MOTTO**

A Center of Learning, Centered on You

## **Isi kandungan**

1.	Kata Aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif KPTM	4
2.	Kata Aluan daripada Dekan	5
3.	Maklumat Program	6
4.	Kalender Akademik	9
5.	Peraturan Akademik	10
6.	Struktur Program	11
7.	Maklumat Kursus	14
8.	Peluang Pengajian	23

## **KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KPTM**

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Selamat datang ke Kolej Poly-Tech MARA.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada anda kerana telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di KPTM.

Untuk memastikan bahawa semua pelajar kita memenuhi matlamat pendidikan mereka, kami berusaha untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan kemudahan pembelajaran yang berkesan.

Kami mempunyai pensyarah yang berpengalaman yang boleh memberi bimbingan dan motivasi kepada pelajar untuk mencapai matlamat hidup mereka. Pensyarah kami amat komited dalam memastikan pelajar-pelajar mereka menamatkan pengajian mereka pada masa yang ditetapkan dan mampu untuk mendapatkan pekerjaan yang tepat dalam tempoh masa yang singkat selepas itu. Kami juga berasa bangga kerana pensyarah kami bukan sahaja merupakan tempat rujukan dalam bidang akademik tetapi juga penasihat dan mentor terbaik untuk pelajar.

Adalah diharapkan bahawa buku ini akan berfungsi sebagai rujukan yang berguna untuk spesifikasi dan garis panduan kepada pelajar untuk program yang dipilih.

Semoga anda mendapat semua yang terbaik dalam pengajian anda di KPTM.

Sekian terima kasih .

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Kolej Poly-Tech MARA**

## **KATA ALUAN DEKAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia:

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah Rahmat-Nya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah menjadi salah satu daripada tujuh fakulti di Kolej Poly-Tech MARA. Fakulti ini menawarkan program-program di peringkat diploma dalam bidang Pengurusan Sukan, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pelancongan dan Pendidikan dengan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL).

Selain daripada silibus, struktur program dan sebagainya, fakulti juga menyediakan buku program untuk berfungsi sebagai garis panduan kepada pelajar-pelajar. Buku Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak ini dihasilkan dengan memuatkan ringkasan program diploma, maklumat program, kalendar akademik, peraturan akademik, struktur program, maklumat kursus dan peluang pengajian. Buku Program ini disusun dengan teliti untuk menawarkan maklumat yang dapat membimbing pelajar merancang dengan efektif dan menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Adalah penting bagi pelajar-pelajar program ini untuk memahami kandungan buku program yang diedarkan untuk mengelakkan sebarang kepincangan yang bakal menangguhkan perjalanan tempoh pengajian mereka.

Fakulti amat berharap bahawa buku program ini akan menjadi panduan berguna yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan program akademik yang ditawarkan serta persekitaran sosial untuk mencapai kejayaan yang holistik sebagai seorang pelajar.

Tambahan lagi, pihak fakulti percaya bahawa masa depan yang cerah terjamin bagi pelajar-pelajar yang memilih Kolej Poly-Tech MARA sebagai menara gading mereka kerana suasana pengajaran dan pembelajaran yang positif sentiasa diwujudkan bagi keselesaan dan kecemerlangan mereka.

Fakulti mengucapkan tahniah kepada semua pelajar Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dan berharap pelajar-pelajar ini dapat menimba pengetahuan serta pengalaman yang produktif untuk menjamin masa depan yang cemerlang.

**DEKAN**  
**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**  
**Kolej Poly-Tech MARA**

---

<b>MAKLUMAT PROGRAM</b>
-------------------------

1. **Nama Program** : Diploma Early Childhood Education (DECE)
2. **Kod Program** : BE102
3. **Tempoh** : 2 tahun 4 Bulan
4. **Jumlah jam kredit** : 93 jam kredit
5. **Bahasa Pengantar** : Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
6. **Kelayakan masuk** :
  - i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperolehi 3 kepujian mana-mana mata pelajaran;  
**ATAU**
  - ii. Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), dengan memperolehi minimum Gred C (GP 2.0) dalam mana-mana pelajaran;  
**ATAU**
  - iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), dengan memperolehi minimum Gred Maqbul;  
**ATAU**
  - iv. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam mana-mana bidang;  
**ATAU**
  - v. Sijil atau kelayakan yang setara dalam mana-mana bidang
7. **Deskripsi Program** :

Program DECE yang ditawarkan oleh KPTM dijalankan secara sepenuh masa dan mengambil tempoh masa 2 tahun 4 bulan (4 Semester panjang & 2 semester pendek). Pelajar disediakan dengan pembelajaran dan kurikulum yang dapat memenuhi syarat profesion di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang didedahkan dengan teori dan kemahiran yang mencukupi bagi pelajar. Pelajar akan ditempatkan di TASKA/TADIKA pada setiap semester dan menjalani latihan industri pada semester terakhir.

**8. Program Outcomes:**

- PEO1 Melahirkan** pendidik yang berpengetahuan, berkemahiran dan mementingkan aspek perkembangan, pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.
- PEO2 Menerapkan** sikap professional, tingkahlaku beretika dan bertanggungjawab terhadap profession pengasuhan dan pendidikan.
- PEO3 Membentuk** pendidik yang mempunyai kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan berkepimpinan.
- PEO4 Menyediakan** pendidik yang kreatif dan inovatif serta berdaya saing dalam bidang keusahawanan dalam pembelajaran sepanjang hayat.

**9. Program Educational Objectives:**

- PO1 Menguasai** pengetahuan dan kefahaman tentang pendidikan awal kanak-kanak.
- PO2 Mengaplikasikan** kemahiran pedagogi terkini dalam pendidikan awal kanak-kanak.
- PO3 Menerapkan** nilai-nilai murni, etika dan kemahiran sosial dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.
- PO4 Mempamerkan** komitmen terhadap profesionalisme pada nilai, sikap dan etika.
- PO5 Membina** komunikasi secara efektif dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti.
- PO6 Menggunakan** kemahiran penyelesaian masalah, refleksi diri, kemahiran saintifik dan pemikiran kreatif dalam pengasuhan pendidikan awal kanak-kanak.
- PO7 Menggunakan** maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal kanak-kanak serta pembangunan sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat.
- PO8 Mengaplikasikan** kemahiran asas pengurusan dan keusahawanan dalam persekitaran pendidikan awal kanak-kanak

**10. Peluang Kerjaya :**

Pelajar berpeluang bekerja sama ada dalam agensi kerajaan ataupun swasta seperti di pusat asuhan kanak-kanak, taman didikan kanak-kanak, taman bimbingan kanak-kanak dan sebagainya. Pelajar juga dapat meneruskan pengajian dalam bidang yang sama atau bidang-bidang lain seperti pendidikan

kanak-kanak dengan keperluan khas, pengurusan dan pentadbiran bagi institusi melibatkan kanak-kanak, dan juga ke peringkat yang lebih tinggi di mana-mana institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

**11. Badan Penganugerahan** : Kolej Poly-Tech MARA



**KALENDER AKADEMIK**

<b>AKTIVITI</b>	<b>APRIL</b> (hari/minggu)	<b>JULY</b> (hari/minggu)	<b>NOVEMBER</b> (hari/minggu)
Pendaftaran (Pelajar Baharu)	Hari 1	Hari 1	Hari 1
Induksi	Hari 2 - 4	Hari 2 – 4	Hari 2 - 4
Pendaftaran (Pelajar Sedia Ada)	Hari 3	Hari 3	Hari 3
Kuliah dan Gugur/Tambah Kursus	Minggu 1 - 2	Minggu 1 - 2	Minggu 1 - 2
Kuliah	Minggu 1 - 7	Minggu 1 - 14	Minggu 1 - 14
Minggu Ulangkaji	1 Minggu	1 Minggu	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	1 Minggu	2 Minggu	2 Minggu
Cuti Semester	4 Minggu	3 Minggu	2 Minggu

Nota: Kalender tetap akan dimaklumkan pada minggu pendaftaran

**Kalender Akademik KPTM merangkumi perkara berikut:**

- TIGA (3) pengambilan pelajar bagi satu tahun akademik: APRIL, JULAI & NOVEMBER.
- 14 minggu pengajaran untuk Sesi JULAI dan NOVEMBER manakala 7 minggu pengajaran bagi Sesi APRIL.
- 2 minggu Peperiksaan Akhir dan 1 minggu Ulangkaji sebagai persediaan.
- Kelas Ganti akan diadakan sekiranya cuti umum mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- Pihak kolej berhak meminda kalender akademik sekiranya perlu. Pelajar diingatkan untuk peka kepada sebarang pengumuman perubahan kalender akademik.

---

## PERATURAN AKADEMIK

---

- Semua pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik seperti yang terkandung di dalam **Buku Peraturan Akademik Kolej Poly-Tech MARA PINDAAN 2017**. Satu salinan buku peraturan akademik ini akan diberikan kepada setiap pelajar semasa pendaftaran.
- Semua pelajar KPTM yang mengikuti program akademik dengan kerjasama institusi-institusi tempatan atau luar negara juga tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan institusi tersebut. Salinan buku peraturan akan diberikan kepada pelajar-pelajar program masing-masing semasa Taklimat Akademik dalam tempoh Minggu Induksi.

PROGRAM STRUCTURE JULY									
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN									
DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (BE102)									
GRADUATION CREDIT REQUIREMENT 93									
NO	COURSE	COURSE NAME	COURSE STATUS	CREDIT	STUDENT LEARNING TIME		ASSESSMENT		PRE REQ
					FACE TO FACE	TOTAL SLT	CONTINUOUS	FINAL	
<b>YEAR 1</b>									
<b>SEMESTER 1</b>									
1	MPU2213	Bahasa Kebangsaan A	Compulsory Module	3	42	127	70	30	NONE
	MPU2233	Pengucapan Awam			42	120	60	40	NONE
2	HBE1013	Kemahiran Berfikir	Common Core	3	42	120	70	30	NONE
3	HBE1043	Sosiologi Pendidikan Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	70	30	NONE
4	HSE1063	Psikologi Perkembangan dan Pertumbuhan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	60	40	NONE
5	HBE2013	Falsafah Pendidikan dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	100	0	NONE
6	HBE2123	Pedagogi (Pengajaran & Pembelajaran) dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	70	30	NONE
				<b>Total</b>	<b>18</b>				
<b>SEMESTER 2</b>									
7	MPU2163	Pengajian Malaysia 2	Compulsory Module	3	42	120	70	30	NONE
8	HBE1073	Profesionalisme Guru dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
9	HKK1013	Proficiency English for Early Childhood Education	Compulsory Module	3	42	120	60	40	NONE
10	HKK2023	Bimbingan dan Kaunseling untuk Pend. Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	70	30	NONE

11	HSE2043	Bermain dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
12	HKK1053	Pengurusan Sumber dan Asas Teknologi Maklumat untuk Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	100	0	NONE
				<b>Total</b>	<b>18</b>				
<b>SEMESTER 3</b>									
13	HKK2073	Perkembangan Sosio-Emosi Kanak-kanak dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
14	HKK2083	Perkembangan Bahasa, Literasi dan Komunikasi Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
15	HSE2023	Nutrisi, Kesihatan dan Keselamatan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
				<b>Total</b>	<b>9</b>				
<b>YEAR 2</b>									
<b>SEMESTER 1</b>									
16	MPU2313	Pengajian Islam	Compulsory Module	3	42	120	70	30	NONE
	MPU2343	Pembangunan Pemuda			42	120	100	0	NONE
17	HSE2053	Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
18	HSE2103	Seni, Kreativiti dan Estetika dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	100	0	NONE
19	HSE3083	Matematik Awal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
20	HBE2063	Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pend. Awal Kanak-Kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
21	HSE3073	Sains Awal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
				<b>Total</b>	<b>18</b>				
<b>SEMESTER 2</b>									
22	HBE3043	Asas Penyelidikan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	100	0	NONE
23	HBE2132	Asas Pendidikan Keusahawanan dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Common Core	2	28	80	100	0	NONE

24	HKK3043	Teaching English in Early Childhood Education	Discipline Core	3	42	120	100	0	NONE
25	HKK3023	Pendidikan Kerohanian dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	100	0	NONE
	HKK3033	Pendidikan Moral dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak			42	120	100	0	NONE
26	MPU2412	Khidmat Masyarakat	Compulsory Module	2	28	80	100	0	NONE
	MPU2422	Pengurusan Masjid			28	80	100	0	NONE
<b>Total</b>				<b>13</b>					
<b>SEMESTER 3</b>									
27	HSE2093	Perkembangan Fizikal dalam Pend. Awal Kanak-kanak	Discipline Core	3	42	120	70	30	NONE
28	HBE3053	Pentaksiran dan Penilaian Awal Kanak-kanak	Common Core	3	42	120	70	30	NONE
29	HKK3063	Pengasuhan dan Pendidikan untuk Kanak-kanak Berkeperluan Khas	Common Core	3	42	120	70	30	NONE
<b>Total</b>				<b>9</b>					
<b>YEAR 3</b>									
<b>SEMESTER 7</b>									
30	HTP3088	Praktikum	Professional Practise	8		320	100	0	NONE
<b>TOTAL</b>				<b>8</b>					
<b>GRAND TOTAL</b>				<b>93</b>					

SLT: Student Learning Time

\*MPU2213 Bahasa Kebangsaan A is COMPULSORY to students who did not obtain a credit in Bahasa Melayu at SPM level.

Students who obtained a credit in Bahasa Melayu (SPM) are exempted from this course and to be replaced by another MPU22XX course.

**MAKLUMAT KURSUS**

**TAHUN 1  
SEMESTER 1**

**MPU2213 BAHASA KEBANGSAAN A**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini ditawarkan pada tahap pengenalan bahasa Melayu khusus kepada pelajar warganegara Malaysia yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kursus ini mencakupi pengenalan kepada bahasa Melayu, prinsip sebutan dan intonasi, sistem ejaan dan tatabahasa Melayu, prinsip pengucapan awam, kepelbagaian teks prosa dan puisi dan penulisan teks atau wacana sama ada berformat ataupun tidak berformat

**MPU2233 PENGUCAPAN AWAM**

**Prasyarat : Tiada**

Mata pelajaran ini berkisar tentang aspek pengucapan awam yang merangkumi kemahiran, penyampaian, bahasa, penampilan diri, halangan dalam pengucapan awam dan etika berucap.

**HBE1013 KEMAHIRAN BERFIKIR**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep dan ciri pemikiran yang kreatif dan kritis. Teori yang diajar dapat membantu pelajar secara aktif dalam mengenalpasti hubungan antara otak dan fungsi otak dalam domain kognitif. Pelajar diberi peluang melakukan aktiviti dan melihat persoalan secara kreatif dan kritis bagi melatih mereka dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan cara terbaik.

**HBE1043 SOSIOLOGI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini menerangkan konsep-konsep asas sosiologi pendidikan dan aplikasinya dalam sosiologi pendidikan. Secara keseluruhannya tumpuan kursus ini adalah kepada aspek sosiologi pembangunan individu kanak-kanak, keluarga serta struktur sosial masyarakat.

**HSE1063 PSIKOLOGI PERKEMBANGAN DAN PERTUMBUHAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan awal kanak-kanak. Secara keseluruhannya, kursus ini membincangkan bagaimana tindakan yang boleh digunakan oleh guru bagi membantu perkembangan dan pertumbuhan yang merangkumi perkembangan dari segi kognitif, fizikal, sosio-emosi, sahsiah, dan sendiri kanak-kanak.

**HBE2013 FALSAFAH PENDIDIKAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang tokoh yang ada dalam falsafah pendidikan awal kanak-kanak. Pelajar juga diberi pendedahan tentang dasar dan akta-akta yang berkaitan dengan kanak-kanak serta kurikulum yang ada dalam pendidikan awal kanak-kanak.

**HBE2123 PEDAGOGI (PENGAJARAN & PEMBELAJARAN) DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada pedagogi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pelajar akan mempelajari pelbagai pendekatan, teknik, strategi dan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas prasekolah. Pelajar juga akan melalui proses pengajaran Mikro sebelum melakukan latihan praktikum.

**TAHUN 1**  
**SEMESTER 2**

**MPU2163 PENGAJIAN MALAYSIA 2**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang sejarah negara bangsa, perkembangan masyarakat dalam aspek sosiobudaya, politik dan ekonomi. Selain itu, penghargaan terhadap perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan terdahulu turut diterapkan kepada pelajar. Seterusnya pelajar akan mengetahui dengan jelas tentang Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dasar-dasar kerajaan dan peranan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa. Pelajar juga diterapkan dengan semangat patriotisme dan peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di Malaysia.

**HBE1073 PROFESIONALISME GURU DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan konsep profesionalisme pendidik awal kanak-kanak. Kursus ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan sahsiah, komunikasi, kerjasama dan keterampilan diri yang aktif semasa menjalankan aktiviti.

### **HKK1013 PROFICIENCY ENGLISH FOR EARLY CHILDHOOD EDUCATION**

**Prasyarat : Tiada**

This course is to introduce the students to english language skills; reading, writing, speaking and listening skills. The classroom activities are conducted in manner that enables the incorporation of all skills.

### **HKK2023 BIMBINGAN DAN KAUNSELING UNTUK PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini merangkumi konsep asas, matlamat, keperluan, dan jenis-jenis perkhidmatan, kemahiran asas kaunseling, terapi dan teori-teori dalam menyelesaikan masalah kanak-kanak di TASKA dan TADIKA.

### **HSE2043 BERMAIN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prerequisite: None**

Kursus ini memberi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar tentang pelbagai aspek bermain dalam konteks kanak-kanak dan jenis permainan yang boleh merangsang perkembangan mereka. Kursus ini juga dapat memberi kemahiran kepada pelajar untuk merancang aktiviti dan mencipta peralatan yang sesuai kepada kanak-kanak.

### **HKK1053 PENGURUSAN SUMBER DAN ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT UNTUK PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memperkenalkan dan memahirkan pelajar dengan penggunaan perkakasan dan perisian komputer sebagai alat bantu mengajar di peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Kursus ini juga dapat membantu pelajar membanggunkan aplikasi kursus dengan menggunakan perisian multimedia dan menjadikan pelajar sentiasa peka dengan perkembangan teknologi pendidikan terkini.



**TAHUN 1**  
**SEMESTER 3**

**HKK2073 PERKEMBANGAN SOSIO-EMOSI KANAK-KANAK DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan dan penjelasan kepada pelajar tentang perkembangan sosioemosi kanak-kanak dan aktiviti yang boleh membantu kanak-kanak meningkatkan perkembangan tersebut. Kursus ini juga membantu pelajar mengesan masalah sosioemosi kanak-kanak dan cara mengatasinya. Selain itu, kursus ini juga memberikan pendedahan kepada pelajar untuk melaksanakan pengajaran berpandukan Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan(KSPK) dan Kurikulum PERMATA Negara.

**HKK2083 PERKEMBANGAN BAHASA, LITERASI DAN KOMUNIKASI AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang teori dan amalan kemahiran bahasa dan komunikasi kepada kanak-kanak. Pelajar juga diberi kemahiran untuk menyediakan bahan-bahan berkaitan kemahiran bahasa supaya mereka dapat membantu kanak-kanak bertutur dan berkomunikasi seterusnya membaca dan menulis dengan baik.

**HSE2023 NUTRISI, KESIHATAN DAN KESELAMATAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada para pelajar tentang kepentingan nutrisi, penjagaan kesihatan dan keselamatan terhadap kanak-kanak pada peringkat awal. Pelajar akan didedahkan dengan amalan-amalan pemakanan, kesihatan dan keselamatan yang baik.

**TAHUN 2**  
**SEMESTER 4**

**MPU2313 PENDIDIKAN ISLAM**

**Prasyarat : Tiada**

Subjek ini merupakan antara mata pelajaran umum yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Subjek ini merangkumi tiga bahagian iaitu Islam dan konsep-konsep asas, institusi-institusi yang terdapat di dalam islam dan islam dan cabaran semasa. Selain itu, subjek ini memberi penerangan kepada pelajar mengenai tasawwur islam secara tepat yang menyumbang kepada pembangunan ummah. Ia juga menghuraikan keupayaan Islam dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia.

**MPU2343 PEMBANGUNAN PEMUDA**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini ditawarkan untuk melahirkan golongan belia sebagai pelapis pemimpin yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing tetapi juga bermoral agar Malaysia berjaya memenuhi cabaran dalam dasar kerajaan untuk mencapai masyarakat yang bertamadun.

**HSE2053 PENGLIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini menekankan kepada usaha-usaha bersama antara pihak ibu bapa dan pusat penjagaan kanak-kanak untuk memastikan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang optimum dalam diri kanak-kanak. Perkembangan ini akan dilihat dari perspektif latar belakang dan konteks sosial ibu bapa dan pusat penjagaan kanak-kanak.

**HSE2103 SENI, KREATIVITI DAN ESTETIKA DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini bertujuan merancang, mengaplikasi, mengekspresi dan mengapresiasi aktiviti seni dan kraf untuk bayi dan kanak-kanak. Selain itu, pelajar didedahkan dengan pemikiran kreatif dalam kefahaman seni dan kraf untuk perkembangan holistik bayi dan kanak-kanak. Melalui pelbagai aktiviti, pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran pemilihan aktiviti seni dan kraf yang bersesuaian untuk bayi dan kanak-kanak.

**HSE3083 MATEMATIK AWAL DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan tentang konsep asas Matematik Awal dan teori-teori pembelajaran yang merangsang perkembangan kognitif kanak-kanak. Pelajar akan dapat mengaplikasikan segala pengetahuan dalam pengajaran Matematik Awal kanak-kanak di taska dan tadika dengan menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini berdasarkan Kurikulum Permata dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

**HBE2063 PENGURUSAN DAN PENGELOLAAN PUSAT PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang aspek pengurusan dan pengelolaan dalam Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan pelbagai fungsi pengurusan Taska/Tadika. Selain daripada itu pelajar juga akan mempelajari tentang pengurusan fizikal, institusi dan sumber manusia, menyediakan jadual aktiviti harian serta takwim tahunan. Pelajar turut didedahkan dengan situasi sebenar pengurusan dan pengelolaan

Taska/Tadika sekaligus dapat memperoleh pengalaman dan meningkatkan kemahiran dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

### **HSE3073 SAINS AWAL DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi fokus kepada keupayaan pelajar dalam merancang aktiviti pembelajaran sains awal kepada kanak-kanak. Pelajar turut diberikan pendedahan untuk memahami kemahiran proses sains awal dan kaitannya dengan kehidupan seharian kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, Pelajar akan mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari bagi melaksanakan aktiviti menggunakan kaedah pemerhatian, siasatan, meneroka alam sekitar dan penemuan.

## **TAHUN 2 SEMESTER 5**

### **HBE3043 ASAS PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberikan kemahiran asas kepada pelajar untuk menjalankan penyelidikan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pelajar didedahkan dengan kemahiran asas seperti mengenal pasti masalah kajian, pemilihan sampel, kaedah kajian, analisis data dan penulisan laporan. Pada akhir kursus ini pelajar dapat menghasilkan penyelidikan dalam pendidikan awal kanak-kanak.

### **HBE2132 ASAS PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang konsep, ciri usahawan serta etika keusahawanan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kursus ini juga membantu pelajar dalam membangunkan pelan perancangan perniagaan penubuhan Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak meliputi rancangan pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan.

### **HKK3043 TEACHING ENGLISH IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION**

**Prasyarat : Tiada**

This course explores the ways of teaching English to the children as well as their construction of knowledge about the listening, speaking, reading and writing skills. Students will examine ways in which preschool environment can support children in their attempts to understand and use the language system of the society.

### **HKK3023 PENDIDIKAN KEROHANIAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memperkenalkan konsep pendidikan Islam untuk kanak-kanak kepada pelajar. Penekanan diberikan kepada asas-asas Pendidikan Islam iaitu dari aspek aqidah, ibadah, sirah, akhlak dan asas bahasa Al-Quran dan Jawi. Pelajar juga akan diberi pendedahan dalam pembinaan Rancangan Pengajaran Aktiviti (RPA) dan Rancangan Pengajaran Slot (RPS) mengikut bidang perkembangan Sahsia, Sosioemosi dan Kerohanian dalam PERMATA NEGARA dan tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dalam Kurikulum Standard Pra Sekolah (KSPK).

### **HKK3033 PENDIDIKAN MORAL DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar mengenai konsep pendidikan Moral. Penekanan diberikan kepada asas-asas Pendidikan Moral iaitu dari aspek definisi, teori dan nilai-nilai moral. Pelajar juga akan diberi pendedahan dalam pembinaan RPA (rancangan Pengajaran Aktiviti) dan RPS (Rancangan Pengajaran Slot) mengikut PERMATA dan KSPK.

### **MPU2412 KHIDMAT MASYARAKAT 1**

**Prasyarat : Tiada**

Modul ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahami kursus khidmat masyarakat berdasarkan pengalaman praktikal bersama masyarakat setempat dengan melibatkan bersama agensi sukarelawan. Di akhir kursus ini pelajar memperoleh kecekapan dalam mengurus sesuatu program kemasyarakatan melalui kemahiran insaniah seperti menyelesaikan masalah dan kerjasama dalam kumpulan.

### **MPU2422 PENGURUSAN MASJID**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar memahami secara mendalam peranan dan fungsi institusi masjid di samping memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan dan etika kerjaya pentadbiran institusi tersebut melalui aktiviti yang dijalankan.

## **TAHUN 2 SEMESTER 6**

### **HSE2093 PERKEMBANGAN FIZIKAL DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang aspek-aspek dalam perkembangan fizikal kanak-kanak dan kemahiran psikomotor serta teori-teori yang berkaitan. Pelajar juga didedahkan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal kanak-kanak dan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran psikomotor.

**HBE3053 PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN AWAL KANAK -KANAK**

**Prasyarat : Tiada**

Kursus ini membincangkan tujuan mengesan kemajuan dan perkembangan kanak-kanak melalui pemerhatian dan hasil kerja, menggunakan maklumat, membuat laporan dan merancang aktiviti susulan untuk kemajuan kanak-kanak di Taska dan Tadika.

**HKK3063 PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN UNTUK KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS**

**Prasyarat: Tiada**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep asas pengasuhan bayi dan kanak-kanak serta sejarah perkembangan dalam Pendidikan Khas. Pelajar juga akan mempelajari masalah kanak-kanak keperluan khas serta merancang strategi yang sesuai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas.

**TAHUN 3**  
**SEMESTER 7**

**HTP3088 PRAKTIKUM**

**Prasyarat: Tiada**

Pelajar akan didedahkan dengan persekitaran pembelajaran di TADIKA dan TASKA yang dipilih oleh pelajar. Pelajar akan ditempatkan di TADIKA dan TASKA dan bekerjasama dengan guru TADIKA dan TASKA untuk menyediakan rancangan mengajar dan mengendalikan kelas secara efektif. Pelajar juga akan didedahkan dengan pengurusan kelas dan pengendalian rekod secara sistematik.

**PELUANG PENGAJIAN**

**DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

